

22 JUL 1996

MTJ DEVELOPMENT RANCANG MAJUKAN PUSAT PERANGINAN

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- MTJ Development Sdn Bhd, pengurus rangkaian Nikko Hotels International, merancang untuk memajukan sebuah pusat peranginan tepi pantai, sebaiknya di Johor disebabkan oleh lokasinya yang strategik di antara Singapura dan Kuala Lumpur.

Bercakap kepada pemberita selepas perasmian Hotel Nikko di sini, presiden MTJ Toshio Koga berkata, bagaimanapun rancangan itu masih belum mencapai keputusan muktamad.

Pusat peranginan itu dicadangkan sebagai menyambut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya usaha dibuat bagi menarik lebih ramai pelancong Jepun melawat Malaysia dan mendirikan lebih banyak hotel terutamanya bagi menampung keperluan mereka.

MTJ merupakan sebuah syarikat usaha sama di antara Toyo Real Estate Co. Ltd yang berpangkalan di Jepun dan Japan Airlines Co Ltd (JAL).

Sementara itu timbalan pengurus besar Hotel Nikko Kuala Lumpur Tsuguo Isume berkata syarikat induknya, JAL akan menambah penerbangannya dari Jepun kepada 14 kali seminggu daripada 10 kali sekarang; antara sebabnya ialah bagi memperkenalkan lebih banyak destinasi di Malaysia.

Bagaimanapun, tambah beliau, pertambahan penerbangan ini tertakluk kepada kelulusan kerajaan.

Pada masa ini, katanya, kadar penyewaan hotel ialah 42 peratus dan beliau berharap ia akan meningkat kepada 56 peratus dalam beberapa tahun akan datang.

-- BERNAMA

YY KY/sia